

SIRI MENJELAJAH ALKITAB

# MELANGKAH SEBAGAI SEORANG KRISTIAN



**WAWASAN  
PENABUR**

## **Siri Menjelajah Alkitab Melangkah Sebagai Seorang Kristian**

Penulis : John Balchin, John Benton, Richard Bewes, Rosalind Bradley,  
Julian Charley, Peter Grainger, Erroll Hulse, Gilbert Kirby, Ada Lum,  
Alec Motyer, Stuart Olyott, Roger Salisbury, Derek Tidball, Peter White

Penterjemah : Lilian Jose

Penyunting : Martin H. Maser, Randy Singkee

Reka Letak : Randy Singkee

Kulit buku : Chiang Juat Chin

Buku ini diterbitkan berdasarkan lesen dari Creative 4 International, eksklusif untuk Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Edisi Bahasa Inggeris, *Discovering God's Way*, © 2009 oleh Creative 4 International, Bath, England.

Terjemahan Bahasa Malaysia © 2021 oleh Wawasan Penabur Sdn Bhd.

Semua petikan Alkitab, kecuali dinyatakan sebaliknya, diambil dari: Alkitab Versi Borneo © 2016, Borneo Sabda Limited

Cetakan Pertama: Januari 2021

Diterbitkan oleh:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

P.O.Box: 8327, Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, Selangor

wawasan.penabur@gmail.com

Wawasan Penabur bekerja rapat dengan gereja-gereja berbahasa Malaysia untuk mengembang, menerbit dan menyebarkan bahan-bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia yang berasaskan Alkitabiah bagi kegunaan gereja dan umat Tuhan. Diilhamkan oleh pemimpin-pemimpin Kristian lintas-denominasi, Wawasan Penabur adalah satu organisasi bukan untuk keuntungan yang komited untuk melayani umat Kristian berbahasa Malaysia di Malaysia.

Tahukah anda bahawa anda boleh mendapatkan banyak bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia secara percuma online di Sabda Harian (<http://sabdaharian.com/>)? Kunjungilah laman web mereka hari ini!

Hak Cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

## Daftar Isi

---

2	Operasi Penyelamatan Allah
4	Pertaubatan – Satu Perubahan Radikal
6	Kedaulatan Allah
8	Kasih Kurnia yang Menakjubkan!
10	Kita Yakin – Bahawa Kepercayaan Kristian Itu Benar
12	Kita Yakin – Bahawa Kita Memiliki Hidup Yang Kekal
14	Tiga Kata Kunci – Cahaya, Kehidupan dan Kebenaran
16	Kasih Allah dan Kasih Kita
18	Menetapkan Keutamaan-Keutamaan Baru
20	Keindahan Kesucian
22	Mengatasi Godaan
24	Pelayanan Sebenar
26	Hari Sabat
28	Okultisme – Bahaya yang Tersembunyi
30	Mengatakan “Tidak” Pada Diri Kita Sendiri
32	Penderitaan dan Penyembuhan
34	Anugerah Pekerjaan
36	Jaga Bahasa Anda!
38	Dipanggil untuk Bebas
40	Menikmati Allah
42	Roh Kudus Sangat Penting!
44	Umat Allah – Tentera Roh
46	Menghadapi Penganiayaan
48	Buatlah Macam Rumah Sendiri!
50	Menghayati Firman Allah di Dunia-Nya



**A**nda mungkin telah lama menjadi seorang Kristian tetapi mungkin merasa mengalami kebuntuan dan tidak merasakan ada pertumbuhan. Buku ini mengandung 28 pelajaran yang disusun untuk membantu anda bertumbuh dan terus melangkah maju sebagai seorang Kristian. Tujuan buku ini adalah supaya anda tidak hanya mengetahui lebih banyak tentang apa yang berlaku kepada anda ketika anda menjadi seorang Kristian, tetapi juga supaya anda dapat mengembangkan iman anda dalam kehidupan seharian.





## Operasi Penyelamatan Allah

**D**alam surat kepada jemaah di Roma, Paulus dengan jelas menunjukkan rancangan penyelamatan Allah – operasi penyelamatan-Nya. Tema-tema yang berikut menonjol:

### **Setiap orang perlu diselamatkan**

Kehidupan orang Yahudi dan bukan Yahudi jauh sekali daripada apa yang dituntut oleh Allah. Semua orang bersalah dan berhadapan dengan kutukan Allah (Roma 3:9-19).

### **Diperbenar di hadapan Allah**

Ini adalah inti surat Roma. Kita tidak boleh meletakkan diri kita benar dengan Allah. Tetapi Allah sendiri telah menyediakan jalan yang tidak bergantung pada kepatuhan Hukum Taurat. Penyelamatan Allah diberikan secara percuma, melalui kematian Yesus di kayu salib, kepada semua orang yang percaya (Roma 3:21-26). Abraham menunjukkan kepada kita apakah iman ini (Roma 4).

### **Berubah dari musuh menjadi sahabat**

Diperbenarkan di hadapan Allah adalah landasan kepada seluruh jaminan keselamatan dalam kehidupan orang Kristian. Ini tidak pernah berubah. Kita bukan lagi musuh Allah, tetapi sahabat-Nya (Roma 5:10-11). Paulus menjelaskan perbezaan di antara kepunyaan Adam sebelum kita menjadi orang Kristian, dan kepunyaan Yesus sejak kita percaya kepada-Nya (5:12-21).

### **Menjalani kehidupan baru**

“Jadi, bolehkah kita hidup seperti yang kita inginkan?” seseorang bertanya. “Tidak!” demikianlah jawapan Paulus (Roma 6:1-2). Pembaptisan mengingatkan kita bahawa sebagai orang Kristian kita telah mati bersama Yesus dan telah dibangkitkan bersama-Nya. Kita telah mati kepada kuasa dosa dalam hidup kita, dan kini kita hidup untuk pemerintah yang baru, Yesus (6:3-11). Dan ini mempengaruhi bagaimana kita hidup. Kita telah menjadi “hamba” kepada perbenaran (6:12-23).

### **Bebas dari Hukum**

Sebagai orang Kristian kita telah dibebaskan daripada tuntutan Hukum dan perhambaan-Nya, untuk berkahwin dengan Yesus dalam cara yang baru dalam Roh (Roma 7:6). Tetapi terdapat konflik di antara apa yang kita ketahui benar

dan apa yang kita ingin lakukan, dan bagaimana sebenarnya kita bersikap (7:14-25).

### **Mengenal pertolongan Roh Kudus**


Perhambaan kepada Hukum sudah berlalu. Sebagai orang Kristian, kita mengenal Roh Kudus di dalam diri kita sebagai kuasa yang lebih kuat (Roma 8:1-11). Dia meyakinkan kita bahawa kita adalah kepunyaan keluarga Allah (8:15-16). Tidak ada yang dapat memisahkan kita daripada kasih-Nya (8:35-39)!

### **Allah yang memanggil**

Paulus berasa sedih ketika dia memikirkan tentang penolakan orang Yahudi terhadap Yesus. Beberapa bahagian dalam Roma bab 9 sehingga 11 adalah sukar untuk diikuti, tetapi perkara-perkara tertentu adalah jelas: Allah memanggil beberapa dan bukan semua – dan siapa yang Dia pilih bergantung sepenuhnya kepada-Nya (9:21-24). Kita hanya boleh menjadi orang percaya kerana belas kasihan Allah (9:15) dan kerana kita telah memberi respons kepada firman Allah (10:14). Jalan bagi semua, orang Yahudi dan bukan Yahudi, kini telah terbuka kepada semua orang yang percaya (10:12-13).

### **Berubah untuk mengasihi dan melayani orang lain**

Bagaimanakah semua ini mempengaruhi kehidupan kita? Ini harus dilakukan dalam kehidupan dengan memberikan diri kita kepada Allah (Roma 12:1-2), sebagai ahli sebuah gereja (12:3-8), dan masyarakat (Roma 13). Kasih ini sangat kuat: ia mengambil kira orang lain (Roma 14:1-15:6). Ini bermaksud usaha yang keras dengan kasih sayang kepada orang Kristian yang lain (Roma 15;16), untuk menyebarkan berita baik kepada orang lain yang perlu mengetahui operasi penyelamatan Allah bagi diri mereka sendiri!



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**B**agaimanakah pengetahuan bahawa anda telah diselamatkan oleh Allah mempengaruhi kehidupan seharian anda? Cara anda bersikap terhadap orang lain?



## Pertaubatan – Satu Perubahan Radikal

Seekor harimau bintang tidak dapat mengubah bintiknya,” demikianlah sebuah pepatah – watak orang tidak dapat diubah. Tetapi berbeza apabila Allah sedang bekerja. Pertaubatan adalah titik perubahan besar dalam kehidupan seseorang dan ia mempunyai dua sisi – pertaubatan dan iman, yang bekerja bersama-sama.

### Pertaubatan – berpaling dari dosa

Pertaubatan dan dosa adalah kata-kata yang kuat, tetapi Yesus menggunakannya. Dia datang untuk memanggil orang yang berdosa untuk bertaubat (Lukas 5:32). Kisah tentang anak yang hilang memberitahu kita tentang pertaubatan. Ia adalah satu perubahan fikiran. Anak yang hilang itu mengakui bahawa dia telah berdosa (Lukas 15:18) – dia telah menyakiti dan menyinggung perasaan ayahnya dan Allah sendiri. Anda harus mengakui bahawa anda telah berbuat salah, bahawa anda telah melanggar hukum Allah yang baik dan suci, sebelum anda dapat diperbaiki!

Pertaubatan juga adalah satu perubahan hati. Anda mungkin menyedari bahawa anda telah melanggar hukum Allah, tetapi tidak bertindak lebih jauh. Pertaubatan yang sejati adalah menyesali dosa anda. Perhatikan dalam Lukas 15:21 bahawa anak yang hilang itu benar-benar terkesan oleh dosanya, kerana dia melihatnya dalam cahaya yang sebenarnya. Dia tahu bahawa dia layak dihukum dengan adil dan hanya mampu menyerahkan dirinya pada belas kasihan ayahnya. Dan demikian jugalah dengan kita dan Allah.

Pertaubatan juga melibatkan satu perubahan kehendak. Dalam hal anak yang hilang, ada tindakan yang dia ambil (Lukas 15:20). Dia sanggup untuk berpaling daripada kehidupannya yang lama untuk menjalani kehidupan yang telah berubah di masa hadapan. Ini membawa kepada satu pemisahan yang jelas dengan kehidupan yang lalu.

### Iman – berpaling kepada Allah

Iman ialah mengetahui fakta-fakta tertentu: bahawa Yesus Kristus adalah Anak Allah dan bahawa Dia mati untuk dosa-dosa kita dan Dia bangkit kembali pada hari yang ketiga. Tetapi itu lebih dari sekadar mengetahuinya dalam fikiran anda. Iman juga adalah mempercayai mereka sebagai kebenaran, menjadi yakin kepada mereka, di dalam hati anda. Dan kemudian iman yang sejati




meletakkan seluruh hidup anda pada realiti-realiti ini.

Ini bererti ada jalan keluar dari hukuman yang layak kita terima sebagai anak-anak yang telah berpaling daripada Bapa, kerana Dia telah menyediakan jalan. Allah telah mengutus Anak-Nya untuk mati bagi menderita hukuman kerana kita dan Dia membangkitkan-Nya daripada kematian untuk menunjukkan bahawa kematian-Nya telah memenuhi segala tuntutan Allah. Kita hanya dapat merespons ini dengan menerima apa yang Yesus Kristus telah lakukan. Kita tidak boleh menambahkannya – dengan melakukan pekerjaan yang baik atau terus maju pada akhir perjumpaan. Hanya Yesus yang dapat menyelamatkan kita.

### **Apa yang menyusul?**

Sekiranya anda telah bertaubat dan percaya, dosa-dosa anda telah diampuni (Lukas 5:18-20; 24:47) dan anda akan hidup selama-lamanya (18:30). Roh Kudus telah diberikan kepada anda (3:16). Tetapi Yesus juga sangat jelas tentang apa yang berlaku jika anda tidak bertaubat – anda akan mati (13:3,5).

Perjanjian Baru memberikan tata cara pembaptisan sebagai tanda bahawa kehidupan lama telah ditanggalkan untuk membawa kehidupan baru. Ini pasti mempengaruhi cara hidup anda (Lukas 3:7-14; 9:23-25). Lihat apa yang Zakheus lakukan (19:8)! Petrus juga mempunyai satu tugas yang harus dilakukan (22:32). Yohanes Pembaptis harus membawa umat Allah kembali kepada Allah (Lukas 1:16), dan Yesus Kristus datang untuk membawa mesej ini (5:32). Pertaubatan adalah inti utama mesej yang harus disampaikan oleh murid-murid yang pertama (24:47). Demikian juga dengan kita.



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**A**dakah anda hidup setiap hari dalam pengetahuan bahawa anda telah diampuni? Apakah perbezaannya terhadap anda?



## Kedaulatan Allah

### Mengapa Tuhan Yesus Kristus datang

Semasa anda membaca Injil Lukas, jelas bahawa Yesus mempunyai satu tujuan yang pasti mengapa Dia datang ke bumi. Kita dapat menelusuri ini sepanjang hidup-Nya: di Bait Suci, Dia perlu berada di rumah Bapa-Nya (Lukas 2:49); Dia harus memberitakan berita baik (4:43) – memanggil orang berdosa untuk bertaubat (5:31-32) – dan terus melakukannya (13:33), untuk terlibat dengan orang ramai (19:5), dan untuk mati dan dibangkitkan (24:7). Hakikatnya, kematian dan kebangkitan-Nya di Yerusalem yang nampaknya semakin menjadi tumpuan (contohnya, 9:22,51).

### Apakah yang Allah katakan

Nubuatan – dan penggenapannya – juga memainkan peranan yang penting dalam Injil. Ingat kembali nubuatan-nubuatan tentang Yohanes Pembaptis (Lukas 3:4-6) dan Yesus (4:17-21) daripada Yesaya. Ada juga masa-masa yang lain ketika para nabi disebutkan, terutama yang berkaitan dengan penyelamatan (misalnya 1:69-75; 16:29-31) dan, sekali lagi, kematian dan kebangkitan Yesus (22:37; 24:25-27,44-47). Nubuatan-nubuatan tentang masa depan Yerusalem dan kedatangan Yesus yang kedua kali juga ditonjolkan (Lukas 21).

### Allah berkuasa

Baik nubuatan dan tujuan Yesus datang berbicara kepada kita tentang rancangan yang Allah miliki. Rancangan ini adalah bagi kemuliaan-Nya dan juga untuk kebaikan kita. Ia benar-benar merangkumi segalanya – dari perkara yang terbesar dalam hidup kita sehinggalah yang terkecil. Semua ini sangat berbeza dengan beberapa pemikiran moden. Rancangan Allah bukan fatalisme – ajaran yang mengatakan bahawa apa yang akan berlaku akan terjadi, dan tidak ada yang kita lakukan atau tidak lakukan akan membawa apa-apa perbezaan. “Manusia bukanlah bidak di papan catur kosmik, dengan kekuatan mekanisme yang menggerakkan buah-buah catur” (Wayne Detzler). Peluang juga salah; ada sebuah rancangan dan Allah ada di sebaliknya.

Ini tidak bermaksud bahawa sebagai manusia kita tidak bertanggungjawab terhadap tindakan kita. Kita mengikuti keinginan kita sendiri. Dan apabila kita berdosa, tanggungjawab sepenuhnya ada pada kita. Namun bahkan dosa kita membuat tujuan Allah terlaksana (Lukas 22:22).


### Apakah respons kita?

Seperi murid-murid yang dalam perjalanan ke Emaus, kita cenderung untuk lambat mempercayai perkara-perkara ini (Lukas 24:25-27). Tetapi jika kita mempercayainya, kita pasti akan diberkati (1:45)!

Ajaran ini memanggil kita untuk tunduk dan merendahkan hati. Kita mungkin berfikir bahawa kita penting di sekolah, kolej, pejabat atau kilang kita, tetapi Allah adalah tuan yang sebenarnya – Dia berada di atas segalanya! Atau kita mungkin tidak bekerja. Tanpa ingin menawarkan klise, Alkitab tetap dengan tegas mengatakan bahawa Allah yang berkuasa.

Ajaran ini memberi penghiburan kepada kita dalam kesusahan atau kedukaan yang besar. Kita boleh mencari penghiburan dalam pemeliharaan dan penjagaan Bapa yang maha kuasa dan sempurna (12:6-7,22-32; 18:7). Dia mengetahui segala–segalanya tentang situasi kita. Dia tidak pernah terkejut.

Ajaran ini tidak bertujuan untuk membuat kita sentiasa merujuk pada perincian kecil tentang kehidupan untuk pimpinan Tuhan (seperti tin yang mana satukah yang perlu dipilih di pasar raya!). Ia dimaksudkan supaya kita dapat menjalankan hidup dalam keyakinan yang tenang dalam Allah (1:38), berusaha untuk membawa kemuliaan kepada-Nya.



Fikirkan dan  
Lakukan

**A**dakah anda mempunyai keyakinan yang penuh dalam rancangan Allah bagi hidup anda? Jika tidak, berdoalah dan mintalah Allah untuk meyakinkan anda.



## Kasih Kurnia yang Menakjubkan!

### Apa itu kasih kurnia?

Kasih kurnia (rahmat) adalah salah satu cara untuk menggambarkan bagaimana Allah bertindak. Ada beberapa untaian penting yang termasuk dalam tema Alkitab yang hebat ini:

- Allah memilih umat untuk diri-Nya sendiri, bangsa Israel. Allah tidak mempunyai kewajiban untuk melakukan perkara ini; Dia melakukannya kerana kasih kurnia (Ulangan 7:7-8).
- Allah membuat satu perjanjian persahabatan dengan umat-Nya. Kasih kurnia-Nya bererti bahawa Dia tetap setia kepada mereka, bahkan ketika umat-Nya tidak setia kepada-Nya (Mazmur 25:14; Hosea 11).
- Kasih kurnia Allah dilihat terutama dalam “operasi penyelamatan-Nya”, penyelamatan untuk orang berdosa (Efesus 2:5).
- Kasih kurnia Allah diketahui oleh orang berdosa ketika dosa-dosa mereka diampuni. Sekali lagi, kasih kurnia ini sama sekali tidak layak diterima. Itu adalah “kasih yang ditunjukkan kepada orang yang jahat” (Efesus 2:1-10)
- Kasih kurnia Allah menggerakkan orang berdosa untuk memberi respons kepada Allah dan menjadi orang yang diubahkan (Kisah Para Rasul 2:37-41). Dan orang berdosa, diselamatkan kerana kasih kurnia, akan lebih mengenali Allah lagi melalui kasih kurnia (permulaan Galatia 4:9).

### Kasih kurnia dan penyelamatan

Mari kita tumpukan pada tindakan penyelamatan Allah, kerana di situlah kita dapat melihat kasih kurnia yang paling luar biasa ditunjukkan.

- Kasih kurnia Tuhan Yesus Kristus adalah yang penting, terutama kasih kurnia yang ditunjukkan dalam kematian-Nya di kayu salib (Galatia 1:3-4; 2:20-21).
- Kita dipanggil oleh kasih kurnia. Kita mengetahui penyelamatan ini kerana dalam kasih kurnia-Nya Allah telah memilih kita (Galatia 1:15). Cara kita berpegang pada kasih kurnia ini adalah dengan iman (Galatia 2:16). Kerana itu kita diselamatkan oleh kasih kurnia untuk menjadi orang yang baru (Galatia 6:15).
- Kita dijaga oleh kasih kurnia. Kasih kurnia memelihara kita (Yohanes 10:27-29). Satu lagu pujian menyatakannya seperti ini:

Namaku di tapak tangan-Nya  
Keabadian tidak akan terhapus;  
Terkesan di hati-Nya akan berkekalan;  
Dalam tanda kasih kurnia yang tak terhapuskan.

Jadi Allah menjaga kita dengan kasih kurnia-Nya. Seperti yang telah kita lihat di Galatia, Paulus berulang kali menulis bahawa mematuhi Hukum Taurat agar tetap benar dengan Allah bukanlah cara Allah sama sekali (Galatia 5:4).

### Kasih kurnia dan Hukum

Jika kita dipelihara oleh kasih kurnia, dapatkah kita bersikap seperti yang kita ingini? Tidak, cara kita hidup adalah penting. Sebagai orang Kristian kita tidak mematuhi Hukum (Taurat) untuk memuji diri kita kepada Allah untuk membuat kita benar dengan-Nya, dan kita juga tidak mengesampingkan Hukum. Tidak, kita berusaha untuk menjauhkan Hukum daripada pengabdian kita kepada Bapa kita yang baru (akhir Galatia 5:6).

Sebagai anak kepada Bapa, wajar jika kita ingin menyenangkan-Nya. Kerana itulah mengapa dorongan, misalnya, Galatia 5-6 adalah penting: kita memerlukan Hukum sebagai prinsip untuk menunjukkan kepada kita bagaimanakah rupa kehidupan yang salih. Dan kita tahu Roh Kudus menolong kita untuk menjalankan kehidupan seperti itu (Galatia 5:22-23), ketika kita mentaati Yesus dan mengikut teladan-Nya.



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**A**nda tidak boleh memikirkan tema kasih kurnia terlalu lama tanpa berasa kagum! Ketika kita melihat bahawa kita tersesat, rosak dan berdosa di hadapan Allah dan hanya berhak atas hukuman-Nya yang benar dan adil, kita pasti akan mengagumi kasih kurnia yang mahal yang bermaksud Anak Allah sendiri mati di kayu salib untuk kita!



## Kita Yakin – Bahawa Kepercayaan Kristian Itu Benar

**K**ita hidup dalam era ketidakpastian, zaman di mana manusia takut untuk mengatakan apa-apa dengan pasti. Betapa berbezanya dengan surat-surat Yohanes! Seluruh suasana keadaan mereka adalah sesuatu yang pasti. Terdapat dua perkara khusus yang kita tidak perlu ragui sama sekali. Kita boleh yakin bahawa iman kepercayaan Kristian itu benar. Kita juga boleh yakin bahawa kita mempunyai kehidupan yang kekal. Beralih ke 1 Yohanes, mari kita lihat apa yang Yohanes katakan tentang perkara yang pertama.

### Apa yang kita ketahui

Kita tidak mengetahui *segalanya*, kerana ada beberapa perkara yang Allah belum beritahu kepada kita (1 Yohanes 3:2). Tetapi perkara-perkara yang telah diberitahu kepada kita adalah benar terus menerus, dan kita tahu mereka adalah benar. Perkara-perkara yang kita percayai bukanlah pembohongan atau kisah dongeng.

- Kita mengetahui kebenaran tentang keadaan dunia ini (1 Yohanes 5:19; lihat juga 2:18).
- Kita mengetahui kebenaran tentang diri kita sendiri – bagaimana kita seharusnya hidup, dan ke mana kita pergi (1 Yohanes 2:10-11; 3:2,18).
- Kita mengetahui kebenaran tentang Allah dan Kristus (1 Yohanes 5:20). Sebenarnya kita mengenali mereka (2:13-14; 3:1,6; 4:6-7)!
- Kita mengetahui kebenaran tentang apa yang menyebabkan Kristus datang (1 Yohanes 3:16; 4:16), dan apa yang telah dicapai oleh kedatangan-Nya (3:5).

### Bagaimana kita mengetahuinya

Kita dapat menunjukkan peristiwa-peristiwa sejarah yang benar-benar telah berlaku. Diutus oleh Bapa (1 Yohanes 4:9-10), Kristus datang (1 Yohanes 5:20) dan menyatakan diri-Nya di atas planet ini (1 Yohanes 3:5,8) dalam bentuk manusia yang nyata (1 Yohanes 4:2; 2 Yohanes 7). Di sinilah Dia dibaptis dan menumpahkan darah-Nya (1 Yohanes 5:6).

Tidak ada keraguan tentang semua ini, kerana *segalanya* yang berkaitan dengan Tuhan kita Yesus Kristus telah disaksikan (1 Yohanes 1:1-3; 4:14).

Tambahan pula, sebagai orang percaya kita telah menerima “urapan”, “jamahan” atau “curahan” Roh Kudus, yang bermaksud bahawa kita dapat

membezakan kebenaran daripada kesalahan (1 Yohanes 2:20,27). Roh Kudus ada di dalam kita (1 Yohanes 5:10) dan meyakinkan kita di dalam hati kita bahawa ketika kita mendengar peristiwa-peristiwa kehidupan Kristus, kita mendengar kebenaran (1 Yohanes 5:6-9).

### Apakah maksud ini

Kita adalah orang Kristian yang hidup pada abad ke-21, tetapi kita tidak kurang keyakinan akan kebenaran iman Kristian berbanding dengan mereka yang hidup pada abad yang pertama. Keyakinan kita berakar pada peristiwa-peristiwa sejarah yang benar-benar telah berlaku, dan abad-abad yang telah berlalu tidak dapat mengubah fakta-fakta ini. Apabila kita mempercayai apa yang diberitahu oleh para saksi mata kepada kita, Roh Kudus dalam kita meyakinkan kita bahawa kita tidak tersesat.

Kita tidak perlu terganggu oleh “antikristus” (musuh-musuh Kristus) yang melakukan segala yang mereka mampu untuk mengabaikan atau menafikan fakta-fakta di mana iman kita dibangun (1 Yohanes 4:3; 2 Yohanes 7). Kita boleh yakin dengan apa yang kita percayai, dan tidak perlu meragukan asas iman kita.



Fikirkan dan  
Lakukan

**A**dakah terdapat perkara-perkara atau orang dalam hidup anda yang akan cuba menyangkal dan menafikan fakta yang mendasari iman kepercayaan Kristian anda? Bagaimanakah reaksi anda terhadap mereka?



## Kita Yakin – Bahawa Kita Memiliki Hidup Yang Kekal

**P**erkataan “tahu, ketahui, mengetahui” muncul lebih 30 kali dalam surat-surat Yohanes. Kita telah melihat dan dapat mengetahui bahawa iman Kristian adalah benar. Tetapi kita juga dapat yakin bahawa kita sendiri telah diselamatkan oleh iman Kristian ini dan, oleh itu, kita mempunyai hidup yang kekal. Sebab utama Yohanes menulis suratnya yang pertama adalah untuk membawa orang yang percaya pada titik keyakinan ini (1 Yohanes 5:13).

### Lima cara menjelaskannya

Adakah anda perhatikan terdapat lima cara yang berbeza bagaimana Yohanes berbicara tentang kepastian ini?

- Kita tahu bahawa kita mengenali Allah (1 Yohanes 2:3).
- Kita tahu bahawa kita ada di dalam-Nya, dan bahawa Dia ada di dalam kita (1 Yohanes 2:5; 4:13).
- Kita tahu bahawa kita adalah anak-anak Allah (1 Yohanes 3:1; 5:19).
- Kita tahu bahawa kita telah berlalu dari kematian ke kehidupan (1 Yohanes 3:14).
- Kita tahu bahawa kita mempunyai hidup yang kekal (1 Yohanes 5:13).

Orang Kristian tidak perlu meragui bahawa Allah telah menerima mereka. Orang yang mengatakan bahawa itu adalah sombong dan angkuh untuk mengaku dengan yakin bahawa kita telah diselamatkan adalah salah.

### Tiga cara untuk mengetahui

Sesetengah orang mendakwa bahawa mereka yakin tentang keselamatan mereka ketika mereka tidak berhak untuk itu. Jaminan mereka tidak mempunyai asas. Jaminan Kristian yang sejati datang dengan bertanyakan sama ada anda mempunyai tiga tanda penting bagi orang yang benar-benar percaya. Sekiranya anda melakukannya, anda boleh benar-benar yakin bahawa iman anda adalah tulen.

- Adakah anda mengasihi perintah Allah dan melakukan usaha yang jujur untuk mematuhiNya? Terus melakukan dosa dengan sengaja adalah tidak berpadanan dengan sifat Allah (1 Yohanes 1:5-6), sebab Yesus datang (1 Yohanes 3:5), dan dilahirkan semula dengan sifat rohani (1 Yohanes 3:9).
- Adakah anda mengasihi orang percaya yang lain? (1 Yohanes 2:9-10; 3:14; 4:20). Allah itu kasih, dan orang yang tidak mempunyai kasih jelas tidak



mengenalinya (1 Yohanes 4:7-8). Sekiranya anda benar-benar dilahirkan oleh Allah maka anda akan mengasihi orang yang merupakan saudara dan saudari anda secara rohani (1 Yohanes 5:1). Mempercayai dan mengasihi bergerak seiring (1 Yohanes 3:23).

- Adakah anda mempercayai kebenaran tentang Yesus Kristus bahawa Dia adalah Anak Allah (1 Yohanes 3:23; 5:5,10,13), yang berjalan di bumi ini sebagai seorang manusia (1 Yohanes 4:2; 2 Yohanes 7)? Tidak ada seorang pun yang menyangkal ini berhubungan dengan Allah (1 Yohanes 2:23).

### **Kata-kata sahaja tidak mencukupi**

Adalah tidak mustahil bagi manusia untuk mengatakan bahawa mereka adalah orang Kristian tanpa benar-benar menjadi seperti itu. Dia yang mengatakan bahawa dia adalah seorang yang percaya, tetapi tidak mempunyai ketiga-tiga tanda ini adalah seorang pendusta (1 Yohanes 2:4,22; 4:20).

Setiap tanda itu adalah bukti yang pasti tentang kelahiran baru (1 Yohanes 2:29; 4:7; 5:1), dan tidak ada seorang pun yang boleh menjawab “Ya” bagi ketiga-tiga soalan ini kecuali jika Roh Kudus telah bekerja dalam hidup mereka. Jika anda mempunyai ketiga-tiga tanda ini maka anda boleh benar-benar yakin bahawa anda mempunyai hidup yang kekal (1 Yohanes 2:3; 3:14; 4:2).

**Fikirkan dan  
Lakukan**

**A**dakah anda lulus ujian ketiga-tiga soalan di atas? Jika ya, anda boleh meneruskan hidup dengan keyakinan yang baru dan dengan kepastian yang segar dalam memberi kesaksian anda kepada orang lain.



## Tiga Kata Kunci – Cahaya, Kehidupan dan Kebenaran

**T**ulisan Yohanes dalam Perjanjian Baru mengandung empat kata kunci: cahaya, kehidupan, kebenaran dan kasih. Sekarang mari lihat bagaimana tiga daripadanya digunakan dalam surat-suratnya.

### Cahaya

Yohanes menggunakan gambaran cahaya untuk berbicara kepada kita tentang kemurnian mutlak dan kekudusan Allah yang tidak bercela (1 Yohanes 1:5). Dia sepenuhnya tanpa dosa dan ketidakbenaran. Kita tidak dapat menjadi cahaya dengan diri kita sendiri, tetapi apabila kita mempunyai persekutuan dengan Allah, kita boleh dikatakan berjalan atau hidup “dalam cahaya” (1 Yohanes 1:7). Mereka yang tidak mengenal Allah, dan yang hidupnya tidak berubah, adalah masih dalam kegelapan (1 Yohanes 2:9) dan tidak mengetahui ke mana mereka akan pergi (1 Yohanes 2:11). Gambaran cahaya dan kegelapan juga menekankan betapa berbezanya orang yang percaya dan yang tidak percaya (1 Yohanes 2:8-11) dan bahawa tidak ada jalan tengah di antara mereka.

### Kehidupan

Allah bukan sahaja cahaya, Dia juga adalah kehidupan. Dia wujud dari kekekalan sehingga kekekalan, dan merupakan sumber bagi kewujudan-Nya sendiri. Anak-Nya Yesus Kristus, yang sama-sama “Allah yang benar dan hidup yang kekal” (1 Yohanes 5:20) adalah cara Allah telah menyatakan diri-Nya dan membuat diri-Nya dikenali (1 Yohanes 1:1-3). Dia datang untuk memberi kita kehidupan rohani (4:9), dan Allah berjanji bahawa siapa pun yang menerima Anak-Nya akan menerima kehidupan yang kekal bersama-Nya (1 Yohanes 2:25; 5:11-12).

Oleh itu, pertaubatan Kristian dapat digambarkan sebagai berpindah dari kematian kepada kehidupan (1 Yohanes 3:14-15). Sekali lagi kita melihat perbezaan yang besar di antara yang bertaubat dengan yang tidak bertaubat. Orang yang belum bertaubat bercakap besar tentang kehidupan ini (1 Yohanes 2:16), manakala orang Kristian mengetahui bahawa kehidupan yang telah diterima daripada Allah adalah kekal (1 Yohanes 5:13).

### Kebenaran

Kita tidak disesatkan. Allah yang kita miliki yang kita kenal melalui Yesus Kristus adalah Allah yang benar (1 Yohanes 5:20). Roh Kudus-Nya yang ada di

dalam kita adalah kebenaran (1 Yohanes 5:6), dan Dia telah memberi kita “deria keenam” yang bermaksud kita tahu bahawa iman Kristian itu benar, dan bahawa kesalahan yang datang kepada kita atas nama kebenaran tidak boleh diikuti (1 Yohanes 2:20-21,27;4:6).

Oleh itu, menjadi seorang Kristian adalah masalah mempercayai dan bertindak sejajar dengan kebenaran yang dinyatakan oleh Allah (2 Yohanes 2; 3 Yohanes 3,4). Orang yang hidupnya dikuasai oleh kebenaran mempunyai perasaan kasih sayang keluarga secara automatik antara satu sama lain (2 Yohanes 1; 3 Yohanes 1). Mereka sangat ingin membantu mereka yang menyebarkan kebenaran Allah (3 Yohanes 8), dan menilai karakter masing-masing dengan melihat bagaimana ia dibandingkan dengan standard yang telah dinyatakan Allah (3 Yohanes 12).

Sesetengah orang, diukur dengan apa yang Allah telah katakan mengenai kepercayaan dan tingkah laku seorang Kristian yang sejati, dilihat sebagai tidak memiliki kebenaran (1 Yohanes 1:6,8; 2:4). Ujian yang sama, diterapkan kepada orang percaya, yang membawa mereka untuk yakin bahawa iman mereka benar, dan bahawa mereka “milik kebenaran” (1 Yohanes 3:19).



**Fikirkan dan**  
**Lakukan**

**A**dakah tingkah laku anda selalu menggambarkan kepercayaan anda? Berdoalah supaya Allah membantu anda untuk hidup sesuai dengan kepercayaan anda kepada Yesus.



## Kasih Allah dan Kasih Kita

**D**alam surat-suratnya, kata kunci Yohanes yang keempat ialah kasih. Terdapat banyak kata-kata tentang kasih pada hari ini – dan banyak yang menyanyi tentangnya juga! Tetapi bagaimana “rasul kasih ini” menggunakan perkataan itu?

### Hanya orang Kristian yang mengasihi

Yohanes memberitahu kita bahawa sumber kasih yang sejati ialah Allah, kerana Dia, pada hakikatnya, adalah kasih. Ini bermaksud bahawa satu-satunya orang yang boleh benar-benar dapat mengasihi adalah mereka yang telah dilahirkan semula secara rohani, dan yang mengenal Allah (1 Yohanes 4:7-8). Memang benar bahawa orang yang tidak bertaubat memiliki semacam kasih, tetapi ini bukanlah kasih yang Yohanes katakan. Mereka mengasihi dunia ini, dan cara bagaimana ia menjalankan urusannya tanpa Allah (1 Yohanes 2:15). Kasih yang sejati hanya ditemukan dalam hati mereka yang tahu bahawa Allah mengasihi mereka (1 Yohanes 4:19). Ia mengasihi orang lain kerana ia mengasihi Allah terlebih dahulu (1 Yohanes 4:19-21; 5:1).

### Mengasihi mereka yang tidak menyenangkan

Berkali-kali Yohanes bersukacita dalam kasih Allah (1 Yohanes 4:16). Kasih inilah yang telah menjadikan kita anak-anak Allah (1 Yohanes 3:1)! Kasih-Nya tidak bergantung pada keindahan kita. Tidak, Dia dengan bebas mengutus Anak-Nya untuk menyerahkan hidup-Nya kepada orang yang berdosa (1 Yohanes 3:16; 4:9-10). Kasih pengorbanan seperti ini, yang tidak bergantung pada keindahan orang yang dikasihi, adalah yang seharusnya orang Kristian tunjukkan kepada satu sama lain (1 Yohanes 3:16; 4:10-11).

### Bukan satu pilihan tambahan

Kasih seperti itu bukanlah sesuatu yang kita mungkin, atau tidak mungkin, pilih untuk ditunjukkan. Kita diperintahkan untuk berkelakuan seperti ini antara satu sama lain, dan kita mesti memastikan bahawa kita melakukannya (1 Yohanes 3:11,23; 2 Yohanes 5). Jika kita tidak melakukannya, itu adalah kerana kita belum dilahirkan semula. Kasih persaudaraan ditemukan dalam setiap orang Kristian tanpa pengecualian, dan hanya orang yang bukan Kristian yang tidak memilikinya (1 Yohanes 3:14; 4:7-8,12). Dan tidak ada jalan tengah. Kita sama ada mengasihi saudara kita atau kita membenci mereka (1 Yohanes 2:8-11).

### Kasih tidak dapat disembunyikan

Kasih bukan sekadar sikap. Ia dapat dilihat. Kasih kepada Allah dilihat pada kenyataan bahawa kita tidak berasa takut di hadapan-Nya (1 Yohanes 4:17-19), dan bahawa kita menjalani kehidupan yang taat kepada perintah-Nya (1 Yohanes 2:5; 5:2-3). Kasih kepada orang lain tidak terhenti pada kata-kata, tetapi memberi makanan dan pakaian kepada yang memerlukan (1 Yohanes 3:16-18) dan memberi layanan yang baik kepada sahabat-sahabat Kristian (3 Yohanes 6). Ini tentu sahaja tidak bermaksud bahawa kasih tidak memerlukan kata-kata untuk menyatakan dirinya. Yohanes sendiri menulis kepada para pembacanya dalam istilah-istilah yang paling mesra (1 Yohanes 3:2; 4:1; 2 Yohanes 1; 3 Yohanes 1,11).

Kasih juga memperlihatkan dirinya dalam sikap tegas terhadap kesalahan. Kita mengetahui bahawa kesalahan mencelakakan orang. Oleh itu kita tidak boleh berdiam diri dan tidak melakukan apa-apa. Kita harus berbicara menentang kesalahan secara terus terang (1 Yohanes 2:18-19,22; 4:13; 2 Yohanes 7-9), dan kita tidak boleh mempunyai guru-guru palsu di rumah kita (2 Yohanes 10). Kebenaran Allah adalah sangat penting dalam perkara ini.

### Akhir sekali...

Sebagai kesimpulan, apa itu kasih dan apa maknanya bagi kita? “Demikianlah kasih: bukannya kita mengasihi Allah tetapi Allah mengasihi kita lalu menghantar Anak-Nya sebagai korban pendamaian bagi dosa kita. Saudara-saudara yang kukasihi, Allah amat mengasihi kita, maka haruslah kita kasih-mengasihi” (1 Yohanes 4:10-11).

**Fikirkan dan  
Lakukan**

**A**dakah anda memperlihatkan kasih yang sanggup berkorban kepada sahabat-sahabat Kristian anda? Mintalah Tuhan untuk membantu anda menunjukkan melalui segala yang anda lakukan, bahawa anda tahu kasih Allah dalam hidup anda.



## Menetapkan Keutamaan-keutamaan Baru

### Mengikuti Tuhan

Para murid ditonjolkan dalam 15 daripada 24 bab dalam Lukas. Kata murid bermaksud “seseorang yang belajar melalui pengajaran atau pengalaman”. Seorang murid Kristian ialah seseorang yang menyahut panggilan Tuhan Yesus Kristus dengan mengikutinya sepenuhnya.

### Menghitung Kos

Apabila orang ramai mengikutinya, Yesus dengan sangat berhati-hati menyatakan bahawa terdapat kos yang besar untuk menjadi seorang murid (Lukas 14:25-33). “Ia bermaksud mengubah kesetiaan yang telah terbina terhadap keluarga anda dan bahkan kepada diri anda sendiri. Anda perlu duduk dan berfikir adakah anda akan meneruskannya sampai akhir”. Semua ini mungkin merupakan satu pengorbanan yang terlalu besar untuk dilakukan, seperti yang terjadi kepada pemimpin muda yang kaya (16:13; 18:22-23).

### Menetapkan keutamaan-keutamaan baru

“Ikutlah Aku,” Yesus berkata, sambil menjelaskan pemuridan (Lukas 9:59). “Jangan menoleh ke belakang – pandanglah kepada-Ku!” (9:62; 17:32). Dari sudut yang lain ini bermaksud melepaskan hak untuk memilih jalan hidup anda sendiri (9:23). Dari sudut lain ia bermaksud:

- Menjadi seperti Yesus (Lukas 6:20-22)
- Benar-benar mengakui Yesus sebagai Tuhan dengan setia mentaati-Nya (Lukas 6:46-49; 19:12-27)
- Menjadi penyayang (Lukas 6:32-35; 10:27-37)
- Menjadi saksi kepada Yesus (Lukas 5:10; 24:48)
- Berbuah (Lukas 6:43-44; 8:8,15)

### Menemukan ganjaran

Ganjaran menjadi seorang murid adalah hebat: sebuah hubungan dengan Allah (Lukas 8:19-21), persekutuan dengan Allah dan kemasukan ke dalam kerajaan-Nya melalui Tuhan Yesus Kristus (12:32), sukacita (10:20), hidup yang kekal dan banyak lagi pada masa ini dan masa depan (18:29-30).

Orang percaya yang komited juga akan menderita (9:23). “Apabila Yesus memberitahu anda untuk memikul salib-Nya setiap hari, Dia tidak menyuruh

anda untuk mencari jalan untuk menderita setiap hari. Dia hanya memberikan amaran tentang apa yang terjadi kepada orang yang mengikut-Nya” (John White).

### **Belajar daripada guru-guru**

Yesus adalah pembuat murid yang utama. Dia dengan hati-hati dan berdoa sebelum memilih dua belas orang murid (Lukas 6:12-16). Dia menjalankan kehidupan-Nya secara terbuka di hadapan kumpulan murid yang paling rapat dan mengajarkan orang ramai, “berkongsi Roh-Nya sehingga mereka melihat apa yang dilihat-Nya” (Ada Lum).

Secara peribadi kepada kumpulan yang lebih kecil, Dia menjelaskan lebih banyak perkara untuk mengembangkan pemahaman mereka (8:9-15; 11:1-13). Dia mengutus mereka untuk melakukan kerja praktikal (9:1-5; 10:1-16) dan menilai mereka apabila mereka kembali (10:17-24).

Dan Dia berdoa tentang mereka dan untuk mereka (10:21-22; 22:31-32). Kita adalah murid-murid zaman sekarang. Kita masih perlu untuk belajar dengan rendah hati (6:40; 14:11) dengan mendengar firman-Nya, serta memberi respons dalam doa (11:2-4) dan ketaatan, untuk melakukan pekerjaan yang Dia telah berikan kepada kita (24:45-49).



**L**uangkan sedikit masa dalam doa, Fikirkan tentang apa yang menghalang anda daripada menjadi seorang pengikut Yesus Kristus yang lebih dekat. Mintalah pertolongan Tuhan untuk mengatasi kesukaran-kesukaran itu semasa anda menetapkan keutamaan-keutamaan yang baru di hadapan-Nya.

## Keindahan Kesucian

**H**ampir separuh daripada surat Paulus yang banyak adalah mengenai teologi yang mendalam, memberi cara untuk aplikasi sehari-hari yang praktikal. Terlebih dahulu kita memerlukan asas yang baik, yang mana di atasnya kita boleh membangun ciri-ciri Kristian.

Tidak ada yang lemah tentang kesucian! Orang yang suci adalah seseorang yang telah dipindahkan daripada kawalan dosa kepada kawalan Yesus Kristus. Untuk menjadi suci adalah dengan menjadi terasing, menjadi berbeza. Pertama sekali sikap kita perlu berubah, dan kemudian tingkah laku kita akan menjadi lebih jelas dan lebih seperti Yesus. Terdapat dua sisi untuk menjalankan kehidupan yang suci: Allah bekerja dalam diri kita dan kita bekerja dengan-Nya.

### **Allah bekerja dalam diri kita**

Inilah pekerjaan yang dilakukan oleh Allah Roh Kudus dalam diri kita. Dia memberi kita kedamaian dan Dia menggunakan firman Allah – Alkitab – untuk menjadikan kita suci (Kolose 3:15-16). Terserah kepada kita untuk membiarkan Allah mengubah kita.

### **Kita bekerja dengan Allah**

Allah mengharapkan kita tidak hanya bekerja dengan Roh Kudus-Nya yang bekerja di dalam diri kita, tetapi juga untuk melakukan usaha yang sengaja bagi menghindari dosa dan untuk bertindak sebagai orang Kristian (Filipi 2:12-13). Inilah aspek kehidupan suci yang dijelaskan oleh Paulus dalam Kolose 3:1-5.

### **Fikiran yang diselaraskan semula**

Cara kita berkelakuan ditentukan oleh cara kita berfikir. Apa yang berlaku dalam fikiran kita adalah penting! Yesus Kristus bukan hanya teladan kita yang paling tinggi, Dia juga adalah Tuhan dan tuan kita. Corak kita tidak didasarkan pada dunia di bawah, tetapi pada dunia di atas, di mana Kristus sekarang tinggal (Kolose 3:3). Kita perlu menyelaraskan semula pemikiran kita, bukan hanya ketika kita menjadi Kristian, tetapi secara teratur.



### **Kehidupan yang diarahkan**


Aspek-aspek tertentu dalam “diri lama” kita perlu dimatikan: lihat Kolose 3:5, 8-9. Sangat mudah untuk melihat sifat buruk yang mengerikan ini dalam diri orang lain, tetapi lebih sukar untuk menyingkirkannya dalam kehidupan kita sendiri! Sekali lagi, pemangkasan berterusan diperlukan untuk menyingkirkan rumput-rumput yang berbahaya ini yang menghalang pertumbuhan yang sihat.

Tetapi lihat pada Kolose 3:12-14 dan perhatikan betapa indahnya “pakaian baru” yang harus kita kenakan. Kasih adalah nilai kebajikan yang paling suci dari semua (ayat 14).

### **Keluar dengan dosa!**

Oleh itu Paulus menulis tentang mematikan dosa dalam hidup kita (Kolose 3:5). Bagaimana kita dapat menangani dosa? Agak mudah – berhenti melakukannya! Kita perlu menyingkirkan dosa dalam setiap bentuk atau rupa. Sudah tentu ini juga bermaksud berjaga-jaga dan berdoa sentiasa (Matius 26:41; Yakobus 1:13-15). Mematikan semua dosa harus menjadi tujuan kita sepanjang hidup, walaupun kita tahu kita hanya boleh benar-benar bebas daripada semua saki-baki dosa apabila kita ke syurga.

Ingatlah bahawa kita tidak sendirian dalam perjuangan ini! Roh Kudus hidup di dalam kita, dan ketika kita mematikan dosa, kita tahu kuasa Allah sedang bekerja dalam hidup kita (Roma 8:13).



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**B**agaimanakah kita dapat menangani dosa? Agak mudah – berhenti melakukannya! Berdoalah agar mendapat kekuatan dari Allah untuk mempraktikkan ini.

## Mengatasi Godaan

**A**lkitab menggunakan perkataan “godaan” untuk menggambarkan dua proses: apa-apa cara di mana Allah menguji ketegasan Kristian kita dalam ujian dan apa-apa cara di mana kita dihasut untuk melakukan apa yang salah. Selalunya kedua aspek ini bertemu dalam satu pengalaman. Oleh itu, apabila Tuhan kita Yesus digoda (Matius 4:1-11), Iblis menginginkan Dia melakukan kesalahan dan Allah menguji komitmen-Nya yang terbaru untuk menyelamatkan kita.

### Itu tidak salah!

Adalah sangat biasa untuk merasa malu kerana tergoda, kerana itu marilah kita perhatikan dengan segera bahawa itu tidak salah. Yesus juga begitu! Adalah salah apabila kita meletakkan diri kita di tempat di mana kita cenderung tergoda, dan kita harus berdoa untuk menghadapi masa-masa seperti itu (Matius 6:13). Tetapi satu taktik yang paling digemari oleh Iblis adalah meletakkan godaan di jalan kita dan kemudian membuatkan kita merasa berdosa kerana hal itu! Dia benar-benar busuk. Perkara lain yang sangat penting untuk diingati ialah bahawa Allah tidak pernah mencuba membuat orang melakukan kesalahan (Yakobus 1:13).

Jadi mengapa Dia membiarkan Iblis melakukan hal itu? Yakobus memberitahu kita: “Saudara-saudaraku, anggaplah sebagai suatu kebahagiaan apabila kamu menghadapi pelbagai cubaan, kerana kamu tahu bahawa ujian terhadap imanmu menghasilkan ketabahan. Pastikan bahawa ketabahanmu itu berterusan, sehingga kamu menjadi sempurna tanpa sebarang kekurangan pun” (Yakobus 1:2-4). Perkara yang baik dapat datang dari tergoda. Apa sahaja yang secara serentak mengembangkan kekuatan kita dan mendorong pertumbuhan kita perlu diberikan perhatian yang besar.

### Kenali musuh anda

Langkah pertama adalah mengetahui dan membezakan kehadiran Iblis. Selalunya dia menggunakan tarikan dunia. Atau dia bermain dengan tarikan “kedagingan”, seperti yang disebutkan oleh Alkitab sebagai egoisme yang menjelma dan tindakan semula jadi kita. Dan kita perlu menyedari bahawa dia menyerang kita secara langsung, memikat kita untuk melakukan kesalahan.

### **Ketahui respons Kristian**

Langkah kedua adalah mengembangkan strategi mengatasinya seperti yang diajar dalam Kitab Suci. Apabila kita mengetahui bahawa kita tidak akan digoda melebihi apa yang kita mampu (1 Korintus 10:13), apabila kita mengetahui bahawa Yesus di dalam kita lebih kuat daripada Iblis yang menyerang kita (1 Yohanes 4:4) dan apabila kita hidup dengan menentang “Iblis, maka Iblis akan lari daripadamu” (Yakobus 4:7), maka kita akan menguasai prinsip-prinsip perlawanan Kristian.

### **Sekarang lakukannya!**

Seorang kanak-kanak perempuan ditanya apa yang dia lakukan apabila Iblis mengetuk hatinya. “Mengapa”, dia berkata, “Saya menghantar Yesus ke pintu.”



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**S**ebberapa seriuskah anda menghadapi godaan? Berdoalah supaya Allah akan menolong anda untuk menguasai tiga strategi yang Yesus ajarkan (Matius 4:1-11) untuk mengatasi:

- Ketahui Alkitab anda
- Menolak dengan serta-merta
- Menentang secara berterusan



## Pelayanan Sebenar

**P**elayanan Kristian telah mengubah dunia sepanjang sejarah. Perjuangan untuk memusnahkan kemiskinan dan ketidakadilan, untuk mendapatkan pendidikan dan rawatan hospital yang baik sering kali berakar pada berita baik tentang Yesus.

### Israel – hamba TUHAN

Apabila TUHAN menyelamatkan orang Israel daripada perhambaan di Mesir dan menjadikan mereka bangsa-Nya yang istimewa, mereka berjanji untuk mentaati dan melayani TUHAN (Keluaran 24:7). Israel adalah hamba TUHAN. Tetapi sepanjang sejarah, malangnya bangsa ini gagal untuk berpegang pada janji itu, berpaling daripada Allah dalam pelbagai peristiwa.

Dengan latar belakang inilah nabi Yesaya menulis tentang hamba Allah yang sempurna, yang akan sepenuhnya melaksanakan semua rancangan Allah. Ada empat bahagian dalam Yesaya yang dikenali sebagai “nyanyian hamba”: Yesaya 42:1-9; 49:1-13; 50:4-9; 52:13-53:12.

### Yesus – hamba yang sempurna

Lihat Markus 1:11. Semasa Yesus dibaptiskan, suara Allah Bapa kedengaran. Ini dapat difahami sebagai satu gabungan daripada dua ayat Perjanjian Lama: Mazmur 2:7 dan sebahagian daripada salah satu nyanyian hamba: Yesaya 42:1. Allah mengenal pasti Yesus sebagai hamba yang benar. Gereja Perjanjian Baru melihat Yesus dalam cahaya yang sama (Kisah Para Rasul 8:30-35). Sebagai hamba Allah yang sempurna, Yesus benar-benar menyenangkan Allah dan melalui Yesus Allah menggenapi semua rancangan-Nya untuk dunia.


Perjanjian Baru mengajar kebenaran yang menakjubkan bahawa Yesus mati untuk kita (Markus 10:45). Dan Dia juga hidup bagi kita. Bukan sahaja pengorbanan kematian-Nya menghapuskan dosa kita, tetapi kehidupan sempurna yang dijalani oleh Yesus juga dipertanggungjawabkan kepada orang Kristian dalam pandangan Allah. Allah memperlakukan mereka yang beriman kepada Yesus seolah-olah mereka sendiri telah mentaati dan melayani Allah dengan sempurna seperti yang telah dilakukan oleh Yesus. Lihat Roma 3:22. Ia mengatakan Allah memberi kita kebenaran: Dia meletakkan orang benar dengan diri-Nya sendiri. Melalui Yesus, fail maklumat peribadi Yesus mencatatkan bahawa setiap orang Kristian telah hidup dengan sempurna!

Sekarang lihat Roma 5:19. Ayat ini mengatakan bahawa melalui ketaatan Yesus, ramai orang akan dianggap sebagai benar-benar taat pada pandangan Allah. Tidak perlu lagi berjuang untuk menyenangkan Allah agar diri kita benar bersama-Nya! Segalanya telah dilakukan bagi kita, oleh Yesus; penyelamatan adalah anugerah percuma dari Allah!

### **Melayani Allah pada hari ini**

Yesus mengajar murid-murid-Nya untuk meniru teladan pelayanan-Nya yang luar biasa. Pada Perjamuan Terakhir, Yesus melakukan tugas seorang hamba untuk membasuh kaki murid-murid. (Lihat Yohanes 13:13-17).

Dalam Injil Markus, Yesus sering meluangkan masa bersama para murid untuk menggariskan perkara ini. Tugas menjaga anak-anak sering dipandang rendah oleh dunia, tetapi perhatikan apa yang Yesus katakan tentang hal ini dalam 9:33-37. Gereja tidak boleh beroperasi seperti piramid kekuasaan kerajaan dunia atau empyar perniagaan. Yang terbesar dalam kerajaan Allah dapat dijangkau oleh semua orang, dan adalah hamba kepada semua (Markus 10:41-45). Dari keutamaan pelayanan ini mengalir semua ajaran Paulus tentang setiap bahagian dalam tubuh gereja yang mempunyai fungsi dalam melayani yang lain: 1 Korintus 12:12-31; Efesus 4:11-16. Dan pelayanan harus dilaksanakan dalam bidang kehidupan keluarga, pekerjaan dan kepedulian sosial (Efesus 5:22-33; 6:5-9; Yakobus 2:14-17).



**Fikirkan dan  
Lakukan**

**B**agaimana anda melayani orang lain? Adakah sudah tiba masanya untuk melihat kembali bahagian dalam hidup anda di mana anda boleh melakukan dengan lebih lagi untuk menunjukkan pelayanan Kristian?

## Hari Sabat

### Dibuat untuk umat manusia

Semasa penciptaan, corak tindakan Allah adalah Dia bekerja untuk enam hari dan pada hari yang ketujuh Dia beristirahat (Kejadian 2:2). Kita diciptakan menurut gambar Allah dan kerana itu adalah benar dan baik bagi kita untuk mengikuti corak yang sama di mana enam hari bekerja dan satu hari untuk berehat dan bersekutu dengan Allah (Keluaran 20:8). Walaupun corak mingguan mempunyai makna yang istimewa bagi orang Yahudi, perhatikan apa yang Yesus katakan dalam Markus 2:27 – itu diberikan untuk kebaikan seluruh umat manusia. Kuasa Allah dalam kehidupan manusia sering ditunjukkan oleh Yesus yang memilih untuk melakukan banyak mukjizat-Nya pada hari Sabat (Markus 3:2; Lukas 13:16; Yohanes 5:9).

### Yesus – Tuhan atas hari Sabat

Hari Sabat orang Yahudi ialah hari terakhir dalam seminggu, Sabtu. Memastikan hari itu suci kerana kasih yang sejati kepada Tuhan akan memberikan sukacita kepada Allah dan manusia (Yesaya 58:13-14). Tetapi sekadar perbuatan luaran dalam menjaga hari itu menyakitkan hati Allah (Yesaya 1:13-14). Orang Farisi memperkenalkan banyak hal yang harus dan tidak boleh dilakukan pada hari Sabat, sehingga mengubahkannya menjadi hari yang harus mereka tanggung daripada dinikmati (Markus 2:24). Sering kali mereka menggunakannya hanya sebagai peluang untuk mencari kesalahan orang lain (Markus 3:2; Yohanes 9:16). Sayangnya, semangat legalisme Sabat yang sama ini sering diguna pakai oleh gereja.

Tetapi Yesus adalah Tuhan bagi hari Sabat dan bagi setiap orang Kristian dengan kebebasan hati nurani di bawah Ketuhanan-Nya untuk memutuskan bagaimana menggunakan berkat satu hari ini dalam tujuh hari seminggu (Markus 2:28; Roma 14:5-13). Merasa tidak dapat mengambil bahagian dalam pertandingan akhirnya semasa Sukan Olimpik 1924, kerana ia dijalankan pada hari Ahad, Eric Liddel yang beragama Kristian mengambil pendirian yang mempunyai kesan yang besar kepada Kristus: mungkin anda pernah menonton filem *Chariots of Fire* itu?

## Hari Tuhan

Pada permulaan gereja Perjanjian Baru, sesetengah orang percaya meneruskan dengan hari Sabat pada hari Sabtu, tetapi perkara ini akhirnya berubah (Kolose 2:16). Hari pertama dalam seminggu menjadi hari yang istimewa bagi orang Kristian, sehingga corak satu dalam tujuh diteruskan (Kisah Para Rasul 20:7; 1 Korintus 16:2). Alasannya adalah kerana Allah melalui tindakan-Nya menjadikan hari Ahad sebagai satu hari yang istimewa. Semua Injil mengatakan bahawa Yesus dibangkitkan dari kematian pada hari pertama dalam seminggu (Matius 28:1; Markus 16:2; Lukas 24:1; Yohanes 20:1). Yesus muncul kepada murid-murid pada hari itu (Yohanes 20:19,26). Hari Pentakosta adalah hari Ahad (Kisah Para Rasul 2:1).

## Hari beristirahat

Kita memerlukan masa untuk bertemu dengan Allah. Kehidupan rohani kita perlu dikembangkan. Dalam corak Allah kita menemukan asal-usul hujung minggu yang sangat kita hargai. Tetapi istirahat ini mempunyai makna yang lebih besar. Ia adalah gambaran Injil di mana kita dipanggil untuk berhenti berusaha untuk datang kepada Allah dengan bergantung pada perbuatan baik kita sendiri, dan percaya kepada Yesus untuk membawa kita kepada Allah. Ini juga merupakan gambaran tentang istirahat yang menanti kita di syurga (Ibrani 4:1-13).



**A**dakah anda memelihara hari Sabat sebagai hari yang istimewa? Mungkin bukan hari Ahad – terutamanya jika anda harus bekerja pada hari Ahad – tetapi menetapkan satu hari dalam setiap minggu untuk tidak melakukan rutin pekerjaan anda, meluangkan lebih masa dalam berdoa dan membaca Alkitab berbanding dengan hari-hari yang lain, atau sekadar menikmati ciptaan Allah akan benar-benar membantu anda untuk bertumbuh sebagai seorang Kristian.

## Okultisme – Bahaya yang Tersembunyi

### Iblis

Walaupun kewujudan malaikat telah dikecam, Injil Markus dengan jelas memberitahu kita bahawa mereka wujud: Markus 1:13; 12:25; 13:32; 16:5. Ada makhluk-makhluk ghaib di alam semesta selain diri kita. Malaikat tidak dibatasi oleh tubuh fizikal, tetapi adalah roh yang tidak dapat dilihat oleh mata manusia. Ada malaikat yang baik (Ibrani 1:13-14) dan ada malaikat yang jahat (2 Korintus 11:14) yang disebut oleh Alkitab sebagai Iblis, syaitan atau roh jahat. Iblis sendiri adalah malaikat yang jatuh.

### Amalan ilmu ghaib

Perkataan okultisme atau ilmu ghaib bermaksud “tersembunyi”. Seseorang orang, secara sedar atau tidak sedar, telah berhubungan dengan musuh Allah dalam dimensi alam semesta yang tersembunyi dan tidak kelihatan. Mencari untuk mengetahui masa hadapan dengan astrologi dan ramalan nasib memang diterima umum sejak dulu, tetapi sebenarnya itu berurusan dengan kuasa-kuasa roh jahat (Kisah Para Rasul 16:16-18). Bahkan horoskop surat khabar yang kelihatan seperti tidak berbahaya juga membawa manusia untuk kurang bergantung pada kurnia akal fikiran dan nalar yang Allah telah berikan, dan sebaliknya mengambil keputusan berdasarkan pembohongan (Yohanes 8:44). Mencuba untuk berkomunikasi dengan roh orang mati, papan Ouija, pemujaan roh, Satanisme, penyembuhan iman yang selain daripada dalam nama Yesus, semua ini berpotensi melibatkan komunikasi dengan Iblis yang dilarang oleh Allah (Ulangan 18:10-11).

Amalan ilmu ghaib sangat berbahaya, bahkan mampu menyebabkan kerosakan yang serius dalam kehidupan rohani mana-mana orang Kristian yang secara bodoh terlibat dengan mereka (1 Korintus 10:20-22). Yesus dapat menyelamatkan mereka yang terperangkap dengan okultisme ghaib itu, tetapi tindakan yang drastik perlu diambil untuk menyelesaikan amalan itu (Kisah Para Rasul 19:17-20).

### Kerasukan roh jahat

Yesus mengajarkan bahawa apabila kehidupan seseorang itu kosong daripada Allah ia berada dalam bahaya. Iblis dapat menguasai manusia (Matius 12:43-45). Yesus sering bertemu dan dengan orang yang dirasuk Iblis (misalnya Markus 1:32; 3:11; 5:1-20). Kearifan pembezaan diperlukan. Injil-injil dengan teliti



membezakan kerasukan roh jahat daripada penyakit gila babi (Matius 4:24). Sepanjang Injil Markus orang yang dirasuk roh jahat menunjukkan reaksi yang sangat negatif dan sering kali ganas terhadap kehadiran Roh Kudus dan Yesus (Markus 1:24; 5:7; 9:20). Kewibawaan rohani diperlukan untuk menolong orang yang kerasukan (Markus 3:15). Kewibawaan yang seperti itu hanya datang dari iman yang kuat dan kehidupan yang benar, yang merupakan buah dari berjalan dekat dengan Yesus (Kisah Para Rasul 19:13-16).

### Yesus dan Iblis

Di kayu salib, Yesus tidak hanya menangani dosa-dosa kita. Salib juga menandakan klimaks bagi pertarungan antara Yesus dan Iblis. Di sana, Iblis benar-benar telah dikalahkan (Kolose 2:14-15; 1 Yohanes 3:8). Kekalahannya di kayu salib nampaknya menyebabkan pengurangan yang drastik dalam jumlah kes kerasukan Iblis. Bandingkan Injil-injil dan Kisah Para Rasul. Iblis telah dikalahkan. Ini bermakna ketika kita sebagai orang Kristian dekat dengan Yesus, kita dapat mengetahui kuasa-Nya untuk mengalahkan Iblis dan cara-caranya (Efesus 6:20). Kita perlu berhati-hati dengan Iblis, tetapi tidak perlu ditakuti olehnya (Yakobus 4:7; 1 Petrus 5:8-9).



**P**ernahkah anda terlibat dengan amalan-amalan yang digambarkan oleh Alkitab sebagai bersifat demonik? Adakah anda mengenali orang yang masih terlibat? Jika ya, berdoalah bagi pelepasan dari pengaruh jahat (minta bantuan daripada seorang pelayan Kristian) dan untuk permulaan yang baru dengan Yesus.